



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2001**

---

**PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP PERUMAHAN BAGI  
PESURUHJAYA POLIS DAN TIMBALAN PESURUHJAYA POLIS,  
PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk meminda kadar Imbuan Tetap Perumahan bagi Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan kadar Imbuan Tetap Perumahan bagi Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Malaysia yang menerima Imbuan Tetap Perumahan pada kadar RM1,250.00 dan RM1,000.00 sebulan. Kenaikan ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan kadar yang diterima oleh mereka dengan kadar yang diterima oleh anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama 'B' dan Gred Utama 'C' serta setaraf dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

## PELAKSANAAN

3. Kadar baru Imbuan Tetap Perumahan adalah seperti berikut:

3.1 Pesuruhjaya Polis : RM1,600.00 sebulan

3.2 Timbalan Pesuruhjaya Polis : RM1,300.00 sebulan

4. Syarat dan peraturan pembayaran Imbuan Tetap Perumahan kepada anggota polis yang terlibat adalah tidak berubah.


## TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2001**.

## PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka kadar Imbuan Tetap Perumahan bagi Pesuruhjaya Polis dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Malaysia sebanyak RM1,250.00 dan RM1,000.00 di perenggan 1, Lampiran N, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1991 adalah **dibatalkan**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

8 Oktober 2001

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Dalam Negeri.